

Contoh Tugasan
Geografi PT3 2015

**PEKERJAAN PENDUDUK
DALAM
PELBAGAI KEGIATAN EKONOMI
DISEKITAR
KAWASAN TEMPAT TINGGAL /
SEKOLAH CALON**

Ditulis oleh : _____

Tingkatan : _____

****Tugasan ini adalah contoh sahaja. Pelajar tidak dibenarkan melakukan plagiat. Pelajar harus menghasilkan tugas dengan usaha sendiri dan tidak meniru secara bulat-bulat.**

SENARAI KANDUNGAN

| ISI KANDUNGAN | HALAMAN |
|----------------------|----------------|
| Penghargaan | 3 |
| Pendahuluan | 4 |
| Jadual kerja | 5 |
| Pengagihan kerja | |
| Objektif Kajian | 6 |
| Kaedah kajian | 7 |
| Kawasan Kajian | 8 |
| Dapatan Kajian | 9 |
| Rumusan | |
| Lampiran | |
| Rujukan | |

PENGHARGAAN

Saya berasa sangat gembira untuk menghasilkan Kerja Kursus Geografi di Petaling Jaya. Saya dapat melaksanakannya dengan sempurna dengan bantuan dan kerjasama daripada beberapa pihak. Dengan itu, saya mahu mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada guru penilai saya iaitu Tuan/Puan..... kerana telah sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menjalankan kerja kursus ini. Selain itu, saya mahu mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang telah sudi menjadi responden saya dalam kajian ini dan telah mengambil masa untuk melengkapkan borang soal selidik yang disediakan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan saya yang telah memberi bantuan dan keterangan kepada saya apabila saya tidak memahami apa yang diajar oleh guru. Akhirnya, ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang telah memberi dorongan dan bantuan untuk saya menjalankan kajian ini. Jasa mereka semua akan dikenang sepanjang hidup saya.

PENDAHULUAN

Saya,dari kelas 3.....telah menghasilkan Kerja Kursus Geografi ini. Kawasan kajian saya ialah, Petaling Jaya. Kawasan ini juga berdekatan dengan rumah saya. Hal ini telah memudahkan saya dan rakan-rakan membuat kajian selepas waktu persekolahan. Tempoh masa kajian dijalankan ialah enam waktu pengajaran dan pembelajaran. Dalam masa ini, saya mesti menyiapkan projek ini dan menghantarkannya pada masa yang ditetapkan supaya boleh diberi penilaian oleh guru penilai saya.

JADUAL KERJA

| HARI | TARIKH | AKTIVITI | CATATAN |
|-------------------|-----------|--|---|
| HARI 1 Isnin | 22/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Menerima soalan dan panduan rubrik pelaksanaan kajian - Tajuk: Kegiatan ekonomi dikawasan kajian - Berbincang dengan guru bentuk pelaksanaan yang hendak dilakukan | |
| HARI 2 Selasa | 23/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Taklimat tentang kajian - Membuat catatan hasil penerangan guru | |
| HARI 3 Rabu | 24/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Mula mengumpul maklumat dalam internet mengenai konsep di makmal komputer dengan bimbingan guru - Berbincang dengan guru hasil maklumat yang diperoleh | |
| HARI 4 Khamis | 25/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan borang temubual dengan bimbingan guru - Waktu petang membuat temubual dengan jiran-jiran dan penduduk setempat mengenai kegiatan ekonomi di kawasan kajian. | <ul style="list-style-type: none"> - dengan bimbingan guru - dengan rakan |
| HARI 5 Jumaat | 26/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Waktu petang membuat temubual dengan jiran-jiran dan penduduk setempat tentang cadangan untuk meningkatkan pendapatan di kawasan kajian | - dengan rakan |
| HARI 6 Sabtu | 27/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Membuat temubual /soal selidik dengan jiran-jiran dan penduduk setempat mengenai kegiatan yang berpotensi untuk dimajukan di kawasan kajian | |
| HARI 7 Isnin | 29/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Membuat analisis daripada temubual 10 responden yang diperoleh. - Menghasilkan bahan grafik yang sesuai | - dengan bimbingan guru |
| HARI 8 Selasa | 30/6/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Menulis laporan daripada hasil kajian di hadapan guru. | - dihadapan guru geografi |
| HARI 9 Rabu | 1/7/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Menulis laporan daripada hasil kajian di hadapan guru. - Menyemak laporan kajian dan bahan grafik. | |
| HARI 10 Khamis | 2/7/2015 | <ul style="list-style-type: none"> - Membuat penambahbaikan - Menghantar hasil kajian kepada guru | |
| Rabu 3 Julai 2015 | | - Guru membuat pentaksiran | |

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif-objektif yang berikut :

1. Konsep dan takrifan kegiatan ekonomi
2. Latar belakang kegiatan ekonomi dan persembahan grafik yang sesuai tentang pekerjaan penduduk
3. Usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk
4. Kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan dan alasan

KAEDAH KAJIAN

Saya mendengar taklimat dan penerangan daripada guru Geografi, dan pada masa yang sama membuat catatan hasil penerangan guru.

Saya telah mengenal pasti beberapa kaedah yang akan membantu saya mencatat maklumat secara terperinci dan bersistematis. Oleh itu, saya telah menggunakan 3 kaedah ini untuk menjalankan kajian ini. Berikut adalah:-

1. Kaedah pemerhatian

Saya telah membuat pemerhatian terhadap kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya telah memerhati pelbagai kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Contohnya ialah pertanian, perguruan, perniagaan dan perindustrian.

2. Soal selidik

Saya telah menyoal selidik penduduk di kawasan kajian untuk mengkaji tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya telah memberi borang soal selidik kepada 10 orang responden dan memberi mereka masa sebanyak 5 minit untuk menjawabnya. Saya telah mengutip borang tersebut dan menganalisisnya seperti di bahagian lampiran.

Soal selidik

1. Temu bual dengan jiran dan penduduk setempat mengenai kegiatan ekonomi di kawasan kajian itu.
2. Membuat analisis daripada temubual 10/20 responden yang diperolehi, menghasilkan bahan grafik yang sesuai [jadual, graf/carta pai, peta minda /rajah aliran]
3. Jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan.
4. Faktor mempengaruhi /sebab pertumbuhan /latar belakang tempat yang dikaji.
5. Usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan tersebut.
6. Huraian /faktor /kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan.

3) Rujukan

Saya telah menggunakan pelbagai bahan rujukan untuk saya mencari maklumat tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya telah memilih seseorang untuk dijadikan orang sumber untuk menceritakan kepada saya tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya juga telah mencari pelbagai sumber dari internet, jurnal, ensiklopedia, akhbar, untuk menjayakan kerja khusus ini. Selain itu saya juga telah menggunakan buku teks Geografi Tingkatan 1 untuk memudahkan saya membuat kajian ini.

KAWASAN KAJIAN


Kawasan kajian saya ialah Petaling Jaya yang terdiri daripada ... dan Kawasan ini merupakan satu kawasan perumahan dan pusat perniagaan di sekitar kompleks membeli-belah dengan deret kedai tingkat di sekelilingnya. Ia merupakan kawasan tanah pamah yang terletak di Lembah Klang dan di tengah daerah Petaling Jaya. Kajian ini dilakukan di Petaling Jaya, Selangor iaitu merupakan satu bandaraya maju yang memberikan kemudahan yang lengkap kepada penduduk setempat. Penyediaan prasarana yang mencukupi di kawasan Petaling Jaya secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup serta kualiti pendidikan penduduk.

Pengenalan

Kedudukan kawasan daerah Petaling Jaya yang bersebelahan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan dan tarikan orang ramai dan merupakan kelebihan terhadap pertumbuhan guna tanah daerah ini terutamanya dari sudut perbandaran, pembangunan perindustrian, institusi, perdagangan di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan.

Bagi pecahan perluasan kawasan daerah Petaling Jaya, terbahagi kepada empat kawasan iaitu SS yang mempunyai keluasan 4,551.67 ekar, bagi kawasan Seksyen pula mempunyai keluasan kawasan 4,349.05 ekar, manakala bagi kawasan Petaling Jaya Utama (PJU) mempunyai keluasan 13,566.07 ekar dan bagi kawasan Petaling Jaya Selatan (PJS) mempunyai keluasan 1,551.82 ekar. (Keluasan Kawasan Mengikut Seksyen, 2010)

**Jumlah Penduduk Keseluruhan Bagi Kawasan Pentadbiran MBPJ
(Tahun 2012)**



Rajah 2.2 : Jumlah Penduduk 2012

Sumber : Unjuran Penduduk Berdasarkan Bancian Tahun 2010, Jab. Perangkaan Malaysia (Kadar Pertumbuhan 2.7% setahun)

DAPATAN KAJIAN

Konsep kegiatan ekonomi

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan bahawa kegiatan ekonomi sebagai perkara-perkara atau aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat yang boleh mendatangkan hasil pendapatan serta menjana sumber kewangan.

Terdapat banyak jenis-jenis kegiatan ekonomi, contohnya perniagaan, perkhidmatan, perindustrian dan lain-lain.

Antara jenis-jenis kegiatan ekonomi ialah perkhidmatan. Hasil daripada analisis borang soal selidik, saya mendapat 6 orang responden terlibat dalam kegiatan perkhidmatan. Kesemua 6 orang responden ini melakukan aktiviti di persimpangan jalanraya.

Kegiatan perniagaan juga merupakan salah satu kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Hasil daripada analisis borang soal selidik, saya mendapat 4 orang responden terlibat dalam kegiatan ini. Kesemua responden ini terlibat dalam perniagaan borong dan pasaraya.

Selain itu, kegiatan perguruan merupakan salah satu kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Hasil daripada analisis borang soal selidik, saya mendapat 7 orang responden terlibat dalam kegiatan ini. 5 responden ini mengajar di sekolah tertentu seperti Sekolah Kebangsaan Assunta, Sekolah Menengah Kebangsaan Katolik. Manakala, selebihnya mengajar tuisyen di pusat pengajian mereka.

Jenis-jenis kegiatan ekonomi

Jenis kegiatan ekonomi yang terdapat di ialah **perkhidmatan**. Antara perkhidmatan di kawasan kajian ialah **perniagaan**. Terdapat banyak jenis perniagaan di seperti kedai buku, kedai serbaneka, kedai optik, butik, restoran, farmasi dan sebagainya. Contoh restoran di Petaling Jaya ialah Restoran, dan lain-lain. Contoh kedai buku ialah Popular Bookshop dan kedai serbaneka ialah 7-11. Farmasi yang terdapat di pula ialah Guardian dan dan kedai optik juga terdapat di sini.

Selain itu, **pengangkutan** juga merupakan salah satu perkhidmatan di Jenis pengangkutan yang terdapat di ialah bas dan teksi. Contoh syarikat bas awam di kawasan kajian ialah Rapid KL dan contoh syarikat teksi ialah Supercab.

Di samping itu, perkhidmatan yang terdapat di ialah **perbankan**. Bank yang terdapat di adalah untuk penduduk menguruskan wang mereka seperti menyimpan wang, mengambil wang, memindah wang, membayar bil dan juga membuat pinjaman untuk perniagaan mereka. Bank yang terdapat di Petaling Jaya ialah Maybank, Hong Leong Bank dan Public Bank.

Akhir sekali, **pendidikan** adalah antara perkhidmatan yang terdapat di Petaling Jaya. Jenis pendidikan di kawasan ini ialah seperti kolej, pusat tuisyen dan tadika. Sebagai contoh,

..... Pelajar dari luar negara di dapat menyumbang kepada kegiatan ekonomi di apabila mereka membuat pertukaran wang asing dan menyewa bilik atau rumah di kawasan ini.

Saya berasa sangat bangga dan bersyukur kerana terdapat pelbagai kegiatan ekonomi di Petaling Jaya yang boleh memenuhi keperluan penduduk di sini. Terdapat beberapa sumbangan kegiatan ekonomi. Antaranya ialah **peluang pekerjaan**. Kegiatan ekonomi perkhidmatan telah mewujudkan pelbagai jenis peluang pekerjaan dalam bidang yang berlainan seperti pengangkutan, perniagaan, perbankan dan sebagainya kepada penduduk di kawasan ini. Contoh jenis perniagaan yang mewujudkan peluang pekerjaan adalah seperti restoran yang mengupah pelayan dan kedai yang mengupah pekerja. Sumber pendapatan peniaga-peniaga pula adalah apabila kita makan di restoran atau bermain di taman rekreasi atau kafe siber.

Di samping itu, sumbangan kegiatan ekonomi ialah **peningkatan taraf hidup**. Kegiatan ekonomi perkhidmatan di kawasan ini menawarkan gaji yang lumayan kepada penduduk dan membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang tinggi.

Seperkara lagi, **kemudahan infrastruktur** yang baik merupakan antara sumbangan kegiatan ekonomi terhadap Peningkatan kemudahan infrastruktur di kawasan ini adalah akibat kegiatan ekonomi. Contohnya, jalan raya yang berturap baik, pengangkutan barang masuk, bekalan air serta elektrik untuk perniagaan, talian telefon serta internet yang baik dan sistem pengangkutan seperti bas dan teksi untuk membawa masuk pekerja-pekerja.


Saya juga amat berbangga kerana pelbagai kegiatan ekonomi di sini menyumbang kepada pembangunan negara.

Jadual Jenis Kegiatan Ekonomi di Kawasan ()

| Jenis Kegiatan Ekonomi | Jumlah |
|------------------------|--------|
| Perkhidmatan | |
| Perniagaan | |
| Perguruan | |
| Perindustrian | |
| Jumlah | |

Rujukan

Orang Sumber: _____



*****Grafik wajib buat jadual dan graf bar / carta pai serta pentafsiran.
Sila rujuk kepada lampiran**

Usaha Meningkatkan Pendapatan Penduduk Di Petaling Jaya

Terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan pendapatan penduduk di sekitar kawasan kajian di Petaling Jaya. Antaranya adalah menyarankan penduduk menyertai program keusahawanan atau perniagaan, menjana pendapatan secara atas talian atau online, melabur dalam Amanah Saham Berhad (ASB).

Penyertaan penduduk dalam program keusahawanan boleh meningkatkan pendapatan keluarga. Contohnya dengan **membuka gerai atau kedai runcit** secara kecil-kecilan. Ini kerana kedai runcit adalah lebih relawan untuk dibuka memandangkan penempatan ini mempunyai jumlah penduduk yang tinggi. Selain itu, penduduk boleh juga menjana makanan minuman secara kecil-kecilan. Bagi masyarakat penduduk Petaling Jaya, ada diantaranya merupakan pekerja bujang yang malas dan tiada masa untuk memasak. Jadi gerai atau warung makanan dan minuman seperti ini dapat menjadi destinasi pilihan golongan tersebut. Selain itu, bagi penduduk yang berkemahiran tinggi seperti berkeupayaan membaiki kereta dan motor, boleh membuka bengkel untuk meningkatkan atau menjana pendapatan sampingan.

Selain itu, penduduk di kawasan kajian juga boleh menjana pendapatan sampingan **secara atas talian (Online)**. Seiring dengan kecanggihan teknologi maklumat, laman sosial kini menjadi tumpuan semua golongan tanpa mengira muda maupun yang tua. Hal ini boleh dilihat apabila penduduk sekitar Petaling Jaya lebih banyak meluangkan masa dengan telefon pintar untuk mengakses laman sosial. Bantuan teknologi seperti komputer dan faks dapat membantu mengurangkan pergerakan penduduk ke satu-satu tempat. Melalui perkembangan teknologi semasa juga penduduk boleh melakukan perniagaan internet hanya dari rumah. Pada masa kini banyak peluang untuk memulakan atau menambah pendapatan dari internet, tetapi terpulang kepada individu untuk menyelidik dan memilih perniagaan internet yang sesuai dengan minat dan pengetahuan mereka. Untuk informasi tambahan, laman sosial seperti Facebook, Instagram mahupun aplikasi Whatsapp boleh dijadikan landasan untuk penduduk bermiaga secara atas talian. Contohnya dengan membuka kedai e-Shop menerusi blogspot atau di instagram untuk menjual pelbagai jenis barang atau perkhidmatan seperti kasut atau beg tangan.

Membuat **pelaburan** dalam Amanah Saham Berhad (ASB) juga boleh meningkatkan pendapatan penduduk. Dengan membuat pelaburan, individu dapat menjana aset untuk pendapatan dalam jangka masa panjang. Penduduk juga boleh menyimpan duit ke dalam ASB atau membuat pinjaman menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN). Dengan pelaburan tersebut, penduduk juga boleh mendapat pulangan pada setiap tahun dalam bentuk dividen. Selain daripada ASB, terdapat pelbagai bentuk pelaburan yang boleh disertai penduduk antaranya adalah Tabung Haji dan sebagainya.

Di antara usaha lain untuk meningkatkan pendapatan penduduk ialah dengan menggunakan masa senggang untuk melakukan **kerja sambilan**. Penduduk yang mempunyai kerja tetap boleh mencari pendapatan tambahan seperti membuat kerja sambilan sebagai pembantu gerai makanan atau minuman, pekerja bengkel, pembantu rumah dan sebagainya selepas waktu kerja atau pada waktu malam. Selain itu, penduduk yang

mempunyai komputer peribadi juga boleh bekerja secara sambilan dengan menyiapkan projek-projek syarikat atau membantu menyediakan laporan kewangan syarikat. Hal ini dapat meringankan beban penduduk selain menjana pendapatan isi rumah.

Selain itu, penduduk yang mempunyai **aset sendiri** boleh menggunakan aset tersebut untuk menjana pendapatan. Sebagai contoh, penduduk yang mempunyai bilik kosong dalam rumah mereka boleh menyewakannya kepada penduduk lain. Rumah-rumah penginapan sementara juga boleh diberi sewa kepada pelancong yang datang ke kawasan penduduk. Selain daripada rumah, kereta juga boleh dijadikan modal untuk menambahkan pendapatan penduduk dengan cara memberi sewa kereta kepada penduduk yang memerlukan atau menjadikan kereta sebagai kereta kongsi sepanjang perjalanan menuju ke tempat kerja atau ketika pulang.

Di antara usaha lain untuk menambahkan pendapatan penduduk adalah dengan **menjual barang terpakai** kepada orang lain. Barang terpakai penduduk boleh dimanfaatkan oleh pembeli daripada terus disimpan oleh penduduk. Hal ini juga boleh mendatangkan pendapatan sampingan kepada penduduk. Sebagai contoh, alat-alat elektronik seperti komputer peribadi, telefon bimbit, pakaian, perkakas rumah dan sebagainya.

Penduduk yang berpelajaran tinggi juga boleh menggunakan ilmu yang ada untuk menjana pendapatan dengan cara memberi kelas tambahan kepada orang lain. Sebagai contoh, guru boleh memberi tuisyen kepada pelajar-pelajar pada waktu malam. Penduduk yang berkemahiran boleh buka kelas-kelas memasak atau ‘Yoga’.

Kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di kawasan Petaling Jaya

Kegiatan ekonomi yang berpotensi untuk dimajukan bermaksud kegiatan ekonomi sedia ada yang boleh dinaik taraf atau membuka satu kegiatan ekonomi yang baru untuk memenuhi keperluan penduduk atau dapat meningkatkan pendapatan penduduk. Sektor pelancongan, pertanian, perkhidmatan, pengangkutan dan perindustrian merupakan antara sektor kegiatan ekonomi yang berpotensi untuk dimajukan.

Sektor pelancongan boleh dimajukan dalam pelbagai cara. Hal ini menunjukkan peningkatan ekonomi yang memberangsangkan dibawa masuk melalui industri pelancongan. Sektor pelancongan boleh dimajukan dengan cara membina rumah-rumah penginapan untuk para pelancong yang melancong ke dalam negara di sesuatu tempat. Pengusaha inap desa juga perlu merangka aktiviti-aktiviti yang dapat menarik para pelancong dari segi kebudayaan dan adat resam penduduk setempat. Selain daripada itu, pembinaan kompleks membeli belah dan tempat rekreasi juga dapat menarik perhatian para pelancong contohnya Sunway Lagoon, Pavillion, Mid Valley dan sebagainya dapat memajukan kegiatan ekonomi.

Selain itu, sektor pertanian juga antara kegiatan ekonomi yang berpotensi untuk dimajukan di kawasan Petaling Jaya. Antara cara untuk memajukan sektor pertanian adalah melalui tanaman fertigasi yang merupakan satu kaedah penanaman pokok di dalam bekas atau polibeg yang dapat meningkatkan hasil pendapatan. Kaedah ini sesuai untuk dimajukan kerana kepadatan penduduk di kawasan Petaling Jaya yang menyukarkan aktiviti pertanian dijalankan secara besar-besaran kerana kekurangan kawasan untuk menjalankan pertanian. Sebagai contoh, penduduk boleh menanam sendiri pokok cili, tauge, herba-herba dan sebagainya melalui kaedah hidroponik di mana tumbuhan hanya ditanam di dalam bekas yang berair. Hal ini juga dapat membantu pendapatan kepada penduduk di Petaling Jaya dan mengurangkan import negara dalam pertanian.

Kegiatan ekonomi seterusnya yang berpotensi untuk dimajukan adalah dalam perkhidmatan. Sektor perkhidmatan merupakan industri penting bagi menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi disamping mengurangkan defisit akaun perkhidmatan di dalam imbalan pembayaran. Sebagai contoh, penduduk yang membuka kedai gunting rambut boleh memajukan perniagaan kepada perniagaan yang lebih besar dengan membuka salun kecantikan yang mempelbagaikan produk dan perkhidmatan kedai gunting rambut. Pusat menjaga haiwan peliharaan juga boleh dibuka oleh penduduk untuk memudahkan individu yang mempunyai haiwan peliharaan melancong ke tempat lain dengan meninggalkan haiwan peliharaan mereka di bawah pengawasan. Hal ini turut membantu pendapatan penduduk setempat.

Sektor pengangkutan juga berpotensi dimajukan untuk menjana kegiatan ekonomi penduduk di kawasan Petaling Jaya. Masalah pengangkutan awam yang kebiasanya menjadi beban kepada penduduk setempat dapat diatasi dengan pelbagai cara. Antaranya ialah dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma dan kempen kongsi kereta untuk mengatasi kesesakan jalan raya pada waktu puncak dalam kawasan yang padat dengan penduduk seperti Petaling Jaya.

Tambahan lagi, sektor perindustrian juga merupakan salah satu kegiatan ekonomi yang berpotensi untuk dimajukan di kawasan Petaling Jaya. Kilang-kilang boleh ditubuhkan untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Sebagai contoh, apabila pemaju membina kilar tayar seperti Kilang Dunlop, penduduk setempat boleh bekerja di kilang tersebut.

Isi Tambahan:

Antara kegiatan perkhidmatan yang berpotensi dimajukan adalah seperti taman didikan kanak-kanak dan rumah orang tua. Akibat kesibukan kedua ibu bapa yang bekerja, mereka boleh meletakkan anak-anak mereka di bawah jagaan pengasuh di taman didikan kanak-kanak dan warga tua juga boleh diawasi dengan lebih baik apabila diletakkan di bawah pengawasan penyelia di rumah orang tua sementara. Hal ini merupakan antara sebab kegiatan perkhidmatan ini diperlukan. Sebagai contoh, Rumah Jagaan Orang Tua _____ dan Taman Didikan Kanak-kanak _____.

Pihak Kementerian Sukan dan Kebudayaan bersama-sama dengan pihak swasta boleh membina pusat-pusat sukan untuk memenuhi masa lapang warga daerah Petaling Jaya. Pusat Sukan Lim Chong Wei dan Pusat Sukan Arena Petaling Jaya adalah antara contoh terbaik. Selain daripada membangunkan ekonomi, kegiatan ini juga dapat membanteras gejala sosial dalam kalangan generasi muda disamping mewujudkan gaya hidup sihat.

RUMUSAN

Melalui kajian yang saya jalankan ini, saya telah mendapati bahawa kegiatan ekonomi utama di Petaling Jaya ialah perkhidmatan. Jenis perkhidmatan yang terdapat di kawasan ini pula ialah perniagaan, pengangkutan, perbankan dan pendidikan. Sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan Petaling Jaya ialah mewujudkan peluang pekerjaan, menyumbang kepada pendapatan penduduk, peningkatan taraf hidup penduduknya dan menggalakkan perkembangan infrastruktur. Saya telah menggunakan kaedah borang soal selidik untuk mengumpul maklumat tentang latar belakang kegiatan ekonomi terhadap Petaling Jaya dan usaha-usaha untuk meningkatkannya.

Semasa menjalankan kajian ini, saya telah mengamalkan beberapa nilai seperti bantumembantu, kejujuran, bekerjasama, menepati masa dan sebagainya. Unsur-unsur patriotisme yang wujud semasa kajian dijalankan pula adalah seperti saya berbangga dan bersyukur dengan kehidupan di Petaling Jaya. Saya juga mencintai negara yang aman dan damai ini.

Melalui kajian Geografi yang telah saya buat, rumusan yang dapat dibina ialah apakah jenis-jenis kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Kita mestilah mengetahui jenis-jenis kegiatan ekonomi di tempat kita. Ini dapat memupuk sifat menghayati dan merasai kepentingan kegiatan ekonomi yang dijalankan terhadap pembangunan negara.

Kita juga dapat mengetahui apakah sumbangan kegiatan ekonomi di tempat kita terhadap negara kita yang tercinta. Dengan ini, unsur patriotisme seperti cinta akan tanah air dan berbangga dengan sumbangan kegiatan ekonomi setempat terhadap pembangunan negara dapat dicapai.

Akhir sekali, kita akan dapat mengenalpasti apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan pendapatan penduduk Petaling Jaya. Apabila penduduk melihat usaha yang telah diambil, mereka akan turut mengikuti langkah-langkah tersebut. Unsur patriotisme seperti bertindak wajar dan timbul rasa cinta akan tanah air dapat dilihat apabila penduduk mengikuti langkah-langkah tersebut.

Saya berasa bangga dengan kegiatan ekonomi di tempat saya yang semakin berkembang. Ini memberikan saya keyakinan untuk membuat kerja kursus ini di Petaling Jaya. Saya berharap agar kawasan yang saya duduki ini semakin berkembang dengan lebih pesat.

LAMPIRAN

Antara graf-graf yang berkenaan folio ini,


Jadual 13.1 : Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan negeri, Malaysia, 2010 (samb.)
Table 13.1 : Total population by ethnic group, Local Authority area and state, Malaysia, 2010 (cont'd)

Negeri : SELANGOR
State

| Daerah Pentadbiran/ Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Administrative District/ Local Authority Area | Jumlah Total | Warganegara Malaysia Malaysian citizens | | | | | | | Bukan Warganegara Malaysia Non-Malaysian citizens | |
|---|-----------------|--|-----------------|-----------------|---|-----------------|------------------|---------------------|---|--|
| | | Jumlah Total | Bumiputera | | | Cina Chinese | India Indians | Lain-lain Others | | |
| | | | Jumlah Total | Melayu Malay | Bumiputera Lain Other Bumiputera | | | | | |
| PETALING | | | | | | | | | | |
| M.B. Petaling Jaya | 613,977 | 559,695 | 258,588 | 252,858 | 5,730 | 221,513 | 74,719 | 4,875 | 54,282 | |
| Bandar Petaling Jaya | 176,131 | 161,840 | 53,286 | 52,068 | 1,218 | 84,591 | 22,796 | 1,167 | 14,291 | |
| Kampong Cempaka | 5,724 | 5,352 | 301 | 276 | 25 | 4,764 | 236 | 51 | 372 | |
| Kampong Sungai Penchala * | 1,759 | 1,560 | 399 | 396 | 3 | 1,037 | 111 | 13 | 199 | |
| Seri Setia (Sungai Way) | 9,968 | 5,208 | 1,486 | 1,416 | 70 | 2,940 | 447 | 335 | 4,760 | |
| Sungai Way-Subang | 10,091 | 9,373 | 2,887 | 2,864 | 23 | 4,659 | 1,717 | 110 | 718 | |
| Kawasan selebih M.B. Remainder of M.B. | 410,304 | 376,362 | 200,229 | 195,838 | 4,391 | 123,522 | 49,412 | 3,199 | 33,942 | |

Rajah 2.1 : Jumlah Penduduk 2010

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010



Rajah 2.4 : Jumlah Perdagangan Mengikut Jenis


Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, 2010

Sumber :


http://www.streetdirectory.com.my/malaysia/kl/stock_images/normal_show_main_view/2/my_11830158810185/216/

Contoh-contoh carta pai, graf, bar

| Jadual jenis pekerjaan penduduk dalam pelbagai kegiatan ekonomi di Kampung Baharu | | Bilangan Responden (orang) |
|---|------------------------------------|----------------------------|
| Bil. | Jenis Pekerjaan (Kegiatan Ekonomi) | Bilangan Responden (orang) |
| 1. | Buruh kilang papan (perkilangan) | 9 |
| 2. | Penoreh getah (pertanian) | 4 |
| 3. | Peniaga kedai runcit (perniagaan) | 3 |
| 4. | Buruh binaan (pembinaan) | 2 |
| 5. | Penternak lembu (penternakan) | 2 |
| | Jumlah | 20 |



Carta Pai menunjukkan jenis-jenis pekerjaan penduduk dalam pelbagai kegiatan ekonomi di Kampung Baharu.



Petunjuk

- Buruh kilang papan
- Penoreh getah
- Peniaga Kedai Runcit
- Buruh binaan
- Penternak lembu

Jejari : 5cm

Sumber : Bantuan soalselidik kajian lapangan

<http://geogsmkt.blogspot.com/2015/06/kajian-lapangan-geografi-pt3-2015.html>

***Murid perlu membuat pentaksiran terhadap cartai pai / graf bar di atas.

Soal Selidik:**BORANG SOAL SELIDIK****KAJIAN LAPANGAN PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3) TAHUN 2015****TAJUK KAJIAN: PEKERJAAN PENDUDUK DALAM PELBAGAI KEGIATAN EKONOMI DI SEKITAR PETALING JAYA, SELANGOR.**

NAMA : _____

UMUR : _____

KAUM : MELAYU [] CINA [] INDIA [] LAIN-LAIN []

SEKTOR PEKERJAAN : SEKTOR KERAJAAN [] SEKTOR SWASTA []

JENIS PEKERJAAN : _____

TAHAP PENDIDIKAN : SEKOLAH RENDAH [] MENENGAH ATAS []
MENENGAH RENDAH [] UNIVERSITY/KOLEJ []PENDAPATAN BULANAN : KURANG RM1000 [] RM1000 – 2000 []
RM2000 – 3000 [] RM3000 – 4000 []
RM4000 – 5000 [] RM10000 KE ATAS []**SILA JAWAB SEMUA SOALAN:**

1. Tanda (/), Apakah jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan di kawasan kajian?

PERTANIAN [] PERKHIDMATAN [] PELANCONGAN []
PERNIAGAAN [] PERINDUSTRIAN [] PENGANGKUTAN []2. Pada pendapat anda, apakah jenis kegiatan ekonomi yang paling banyak dijalankan di sekitar kawasan kajian?

_____3. Pada pendapat anda, apakah kegiatan ekonomi yang berpotensi di sekitar kawasan kajian?

_____4. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk di sekitar kawasan kajian?

Artikel-artikel:

RMK11 : Apa Najib Rancang Untuk ICT?

May 21, 2015 | by TheShop | No Comments

Kongsi  Tweet   Suka  Kongsi   +1   Print



W.W.W.
.MY

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT



Beberapa inisiatif berkaitan teknologi digariskan kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-11 atau RMK11 yang telahpun dibentangkan Dato Seri Najib Razak selaku Perdana Menteri sebentar tadi.

Antara yang dinyatakan termasuk Isi rumah di ibu negeri dan kawasan pertumbuhan berimpak tinggi, akan mendapat akses perkhidmatan jalur lebar berkelajuan 100 megabit sesaat (100Mbps).

Manakala di kawasan pinggir bandar dan luar bandar pula akan dapat akses perkhidmatan jalur lebar 20Mbps.

Selain itu, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan dipercepatkan bagi meningkatkan capaian maklumat berkaitan pertanian, perniagaan, pendidikan dan kesihatan. Ia juga dapat memperluas peluang perniagaan dan penjanaan pendapatan yang akan meningkatkan kesejahteraan. Sehubungan itu, program eRezeki dalam kalangan isi rumah B40 akan diperluas melalui penggunaan ICT bagi membolehkan penjanaan pendapatan tambahan. Latihan asas ICT akan diberikan sebelum peserta program eRezeki dipadankan dengan tugasannya bersesuaian seperti kemasukan data, pemantauan harga dan penterjemahan dokumen. Tugas mikro ini boleh dilaksanakan dari rumah atau telecentre.

Manakala sokongan perniagaan melalui platform digital bagi perusahaan mikro akan diperluas bagi meningkatkan jangkauan dan akses kepada pasaran. Bagi memperluaskan platform e-pembayaran untuk perusahaan mikro, terminal dan readers mampu milik yang diintegrasikan dengan aplikasi e-dagang akan disediakan. Di samping itu, perkhidmatan pemadanan perniagaan dalam talian untuk usahawan tempatan akan diperkenalkan di telecentre.

Bagi sektor pendidikan pula, kerajaan akan menggunakan pembelajaran dalam talian bagi memperluas akses dan menambah baik pengajaran dan pembelajaran KPM akan mengukuhkan penggunaan 1BestariNet Virtual Learning Environment di sekolah. Pelan pembangunan kandungan digital akan dihasilkan, bagi memastikan lebih banyak sumber dibangunkan daripada buku teks digital kepada program pembelajaran adaptif, bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan tambahan kepada 24,000 sumber sedia ada. KPM akan menggunakan pakai semua sumber ini bagi penyampaian pengajaran dan pembelajaran secara maya dan menawarkan pembelajaran khusus kepada murid.

Sumber pembelajaran ini berfaedah terutama bagi murid luar bandar dan murid pintar cerdas. KPM akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mencapai matlamat ini.

"MOMENTUM BY UBER" BERI KEISTIMEWAAN KEPADA RAKAN PEMANDU UBER"



Platform pengangkutan permintaan terkemuka dunia, Uber telah melancarkan Momentum di Malaysia, yang pertama seumpamanya, program kesetiaan pemandu di Asia yang akan menyampaikan ganjaran perniagaan dan gaya hidup yang bermakna kepada rakan-rakan pemandu mereka.

Uber yang memberi peluang kepada individu untuk menjadi usahawan mengetengahkan Momentum yang bertujuan untuk melanjutkan misi tersebut dengan:

- Mengurangkan kos operasi bagi rakan-rakan pemandu
- Memberi rakan-rakan pemandu akses kepada ganjaran gaya hidup
- Peningkatan kemahiran industri dengan peluang akademik
- Mewujudkan komuniti sokongan dalam kalangan rakan-rakan pemandu

Momentum adalah program global yang telah terbukti berjaya secara meluas di Amerika Syarikat dan United Kingdom dengan menjana ganjaran dan penjimatan yang ketara untuk rakan pemandu, dan kini Uber memperkenal Momentum ke Asia, bermula dengan Malaysia.

#RideInTheFrontSeat dengan Uber

Uber Malaysia memperkenal Momentum untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk menjaga kehidupan mereka, kerjaya mereka dan #rideinthefrontseat dengan mereka. Momentum akan membantu mempercepat kerja dan pertumbuhan pendapatan rakyat Malaysia dengan meningkatkan aktiviti di platform Uber, mengurangkan perbelanjaan operasi perniagaan kecil di Malaysia, dan membawa lebih banyak perniagaan kepada rakan kongsi ganjaran Malaysia.

Ganjaran Momentum direka berdasarkan maklum balas daripada beribu rakan-rakan pemandu di seluruh negara kerana mereka pasti keperluan terbesar mereka sebagai usahawan pada platform Uber.

Bermula 1 Julai 2015, semua rakan pemandu Uber di Malaysia akan mempunyai akses ke Phase One satu daripada ganjaran berikut dalam bentuk diskaun besar dan baucar tunai, di kedai-kedai yang mengambil bahagian di Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Momentum direka untuk mengurangkan kos perniagaan untuk rakan pemandu. Tambahan ganjaran gaya hidup juga membantu mengurangkan kos hidup, dan meningkatkan simpanan. Untuk rakan kongsi ganjaran Momentum, peningkatan jumlah rakan-rakan pemandu Uber harian akan menjana pendapatan tambahan yang berterusan. Dengan Momentum, memandu di platform Uber menjadi peluang hebat bagi sesiapa yang mempunyai masa lapang dan keinginan untuk berkhidmat kepada masyarakat tempatan, memberikan tenaga kerja Malaysia pilihan untuk aliran pendapatan alternatif, dan peningkatan kuasa beli ekonomi.

Momentum Malaysia juga merupakan program yang direka untuk meningkatkan kemahiran rakan pemandu, dimana mereka boleh belajar bagaimana untuk menguruskan modal dan kos operasi, mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan, meningkatkan penggunaan aset menggunakan teknologi pintar selama diberi ganjaran untuk prestasi yang luar biasa melalui program lencana.

Momentum membawa rakan-rakan pemandu bersama melalui read-only, aplikasi telefon pintar dwi-bahasa dan laman web dalam talian yang memaparkan rakan-rakan pemandu, dan membawa lebih banyak maklumat untuk membantu rakan-rakan pemandu Uber untuk menjadi pembekal perkhidmatan yang lebih baik.

*Beribu-ribu rakyat Malaysia telah memandu di platform Uber! Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.uber.com>.

RUJUKAN

Antara sumber rujukan kajian saya ialah :

1. Buku teks Geografi Tingkatan 3

2. Internet

-melayari <http://www.bintangsukan.com/2015/06/cadangan-usaha-untuk-meningkatkan-pendapatan-penduduk-geografi-pt3-2015.html>

-melayari <http://www.bintangsukan.com/2015/06/konsep-dan-takrifan-kegiatan-ekonomi.html>

- melayari http://en.wikipedia.org/wiki/Petaling_Jaya

3. Bibliografi

a. *Petaling Jaya : Daripada Astet Getah kepada Sebuah Bandaraya.* (2006, Jun 16).

Retrieved November 2012, from Bernama.Com:

http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=203644/

b. *Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta Penduduk.* (2008, November 14).

Retrieved November 2012, from Jabatan Penerangan Malaysia:

<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/88-dasar-dasar-negara/239-dasar-kependudukan-malaysia-ke-arah-70-juta-penduduk.html>

4. Orang sumber

- En
- Puan ...

5. Folio Geografi tahun lepas

6. Media elektronik

- televisyen
- radio

TAMAT

***** Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagat.
Gunakan tips ini sebagai panduan.**

ANDREW CHOO'S LIVE SEMINAR PT3 2015

Date : 13 SEPT 2015 [Sunday]*

Time : 8.00am – 5.00pm** To be confirmed later

Venue : DEWAN KULIAH, UNIVERSITI MALAYA 50603 LEMBAH PANTAI, KUALA LUMPUR (Venue will be confirmed later)

FEE : RM 290*

*** subjects to 6% GST

Specially for those who want to SCORE A+



Now, Andrew Choo's 100% Exam Tips can help you SCORE A+ too.

Andrew Choo SERING TERSIAR DI DALAM AKHBAR.



The only Exam Tips Sifu who always come out in the newspaper!

YES

I want to join your **2015 SEMINAR PT3 (FORM 3)**
I want your **100% Real Exam Tips**

5 SUBJECTS: BAHASA MALAYSIA, BAHASA INGGERIS, MATHEMATICS (ENGLISH VERSION), SCIENCE (ENGLISH VERSION) & KEMAHIRAN HIDUP (TERAS)

NAME : _____

I/C NO : _____

SCHOOL : _____

H/P NO: _____

HOUSE ADDRESS : _____

TEL NO: _____

E-MAIL ADD : _____

INTRODUCER : _____

Now, you can download the PT3 state papers @ WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

TEL: 03-77839924 / 012-3260392

***Fee non refundable. Timetable / Teachers / Subjects are subject to change without prior notice.**

Data Protection : You hereby acknowledge and agree that your personal data has been given to us and had authorized us to retain and use your personal data and to transmit it to our own offices, authorized agents and third party business associates. This data may be used to communicate and provide you with further information about relevant services. It may be held on a mailing list or database for this purpose. Your data is protected from public access and can only be viewed and disclosed by authorised personnel. However, we will not be held responsible if it is misused by third party.

2015 SEMINARS**OPEN FOR REGISTRATION**

| | PROMOTION PRICE (RM) | | | | | | | | | | | |
|-------------|----------------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|------|-----|--------|--------|--|
| | NOV DEC 2014 | JAN | FEB | MAC | APR | MAY | JUN | JULY | AUG | SEPT | OCT | |
| UPSR | 170 | 180 | 190 | 200 | 210 | 220 | 230 | 240 | 250 | CLOSED | CLOSED | |
| PT3 | 200 | 210 | 220 | 230 | 240 | 250 | 260 | 270 | 280 | 290 | CLOSED | |
| SPM | 200 | 210 | 220 | 230 | 240 | 250 | 260 | 270 | 280 | 290 | 300 | |

*** Fees include 6% GST.

Payment Method

Bank cash directly or Online Banking

Account Holder Name: **RAPID CALCULATION CENTRE**

Account No: **03000021543 Hong Leong Bank Berhad,** **OR**

Account No: **512295100321 Maybank Berhad**

And then fax the Bank Slip with the Registration Form to **03-77821363 OR 03-77831363** or scan the bank-slip together with the Registration Form and email to **service@andrewchoo.com.my**

**Get our 100% exam tips (PT3)
for BM, BI, Mathematics, Science &
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now
via www.andrewchoo.com.my**

Or

**Join our LIVE Seminar PT3 at University
Malaya on 13 Sept'15 (Sun)****

www.ANDREWCHOO.EDU.MY